

1 MAC 2018

Dua beranak terlepas hukuman mati

Dua beranak terlepas hukuman mati

GEORGE TOWN – Seorang ibu dan anak perempuannya terlepas daripada hukuman mati selepas Mahkamah Tinggi di sini semalam membebaskan mereka daripada tuduhan mengedar dadah jenis methamphetamine empat tahun lalu.

Hakim Datuk Lim Chong Fong membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap kedua-dua tertuduh warga Afrika Selatan iaitu Catherine Terblanche Millicent, 68, dan Leilanie Calitz, 40.

Menurut Chong Fong, kenyataan yang disediakan pihak pendakwaan yang dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya (DPP), Nur Liyana Mohd Jafri juga didapati bertentangan dengan hasil siasatan pakar kimia termasuk gagal membuktikan senarai bukti sehingga menimbulkan keraguan berhubung identiti dadah tersebut.

Empat tahun lalu, kedua-dua beranak itu ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) bersama lebih 5 kilogram (kg) dadah jenis methamphetamine yang dipercayai mahu dijual.

Mereka kemudian ditahan dan disiasat di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.